



31 Mac 2017
31 March 2017
P.U. (A) 103

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT) 2017

CUSTOMS (PROHIBITION OF IMPORTS) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2017.

Jadual Pertama

Larangan mutlak

2. (1) Pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, yang berasal atau dibuat kesemuanya atau sebahagian besarnya dalam, atau yang dikonsainkan dari, negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang secara mutlak.

- (2) Subperenggan (1) terpakai juga bagi barang-barang dalam transit.

Bahagian I Jadual Kedua

Larangan bersyarat kecuali di bawah lesen import

3. (1) Pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian I Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) Bahagian I Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah suatu lesen import—

- (a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; atau

- (b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang hak yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihaknya di kementerian, jabatan atau badan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5)

Bahagian I Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen import.

(2) Pergerakan dari zon perdagangan bebas ke kawasan utama kastam, Labuan, Langkawi dan Tioman barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian I Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) Bahagian I Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah suatu lesen import—

(a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; atau

(b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang hak yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihaknya di kementerian, jabatan atau badan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Bahagian I Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen import.

Bahagian II Jadual Kedua

Larangan bersyarat kecuali di bawah lesen import dan tidak terpakai bagi zon bebas yang dinyatakan

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian II Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) Bahagian II Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah suatu lesen import—

(a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; atau

(b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang hak yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihaknya di kementerian, jabatan atau badan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Bahagian II Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen import.

(2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi zon bebas yang berikut:

- (a) Pelabuhan Zon Bebas Pasir Gudang, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor;
- (b) Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor;
- (c) Pelabuhan Barat, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor;
- (d) Pelabuhan Tanjung Pelepas, Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor;
- (e) South Point, Pelabuhan Klang, Port Swettenham, Daerah Klang, Selangor;
- (f) (Lot 67894) Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor; dan
- (g) Dermaga Air Dalam, Seksyen 4, Bandar Butterworth, Daerah Seberang Prai Utara, Pulau Pinang.

(3) Pergerakan dari zon perdagangan bebas ke kawasan utama kastam, Labuan, Langkawi dan Tioman barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian II Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) Bahagian II Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah suatu lesen import—

- (a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; atau
- (b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang hak yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihaknya di kementerian, jabatan atau badan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Bahagian II Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen import.

Bahagian III Jadual Kedua

Larangan bersyarat kecuali di bawah lesen import dan tidak terpakai bagi Labuan, Langkawi, Tioman dan zon bebas yang dinyatakan

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pengimportan ke dalam Malaysia barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Bahagian III Jadual Kedua, yang berasal dari negara-negara yang dinyatakan dalam ruang (4) Bahagian III Jadual Kedua dilarang, kecuali di bawah suatu lesen import—

- (a) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; atau
- (b) yang dikeluarkan oleh pegawai kastam yang hak yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pihaknya di kementerian, jabatan atau badan berkanun sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (5) Bahagian III Jadual Kedua,

dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen import.

(2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi—

- (a) Labuan;
- (b) Langkawi;
- (c) Tioman; dan
- (d) zon bebas yang berikut:
 - (i) Pelabuhan Zon Bebas Pasir Gudang, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor;
 - (ii) Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor;